



Universiti Malaysia
KELANTAN

FAKULTI
PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN



BOOKLET
PROGRAM AKADEMIK

FBI

Penubuhan sebuah universiti di negeri Kelantan telah dijadikan satu komponen dalam

Rancangan Malaysia

Ke-9 bagi menyokong pembangunan modal insan berkualiti dalam sektor pendidikan tinggi negara. YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti di Kelantan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe- 9) pada 31 Mac 2006.



Penubuhan universiti ini telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri dalam

Mesyuarat Kabinet pada 14 Jun 2006. Jemaah Menteri juga telah menetapkan supaya falsafah kurikulum pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan perusahaan (*entrepreneurship education and enterprises*) dalam semua program pengajian. Oleh itu, frasa rangsangan seperti «*Entrepreneurship is Our Thrust*» (Keusahawanan Teras Kami) dan «*Entrepreneurial University*» (Universiti Keusahawanan) digunakan secara meluas. Pengkhususan pengajian untuk pembangunan jangka masa pendek dan sederhana dikelompokkan kepada tiga bidang pengajian iaitu:

- i. Keusahawanan dan Perniagaan
- ii. Teknologi Kreatif dan Warisan
- iii. Agro-industri dan Sains Sumber Asli

Pada masa yang sama, penekanan diberikan kepada kemahiran berbahasa dan kemahiran insaniah. Semua program pengajian bertujuan untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi dengan minda kelas pertama yang lengkap dengan ciri-ciri usahawan. Modal insan yang dihasilkan diharap dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan global dan memberi perhatian kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) (*capability and capacity building of SME*) serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan berkeusahawanan tinggi. Selaras dengan pelaksanaan semua bidang pengajian, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) digunakan sebagai pengupaya (*ICT as an enabler*).



LATAR BELAKANG FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

2



Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI) merupakan fakulti yang kesembilan ditubuhkan di UMK setelah proses naik taraf sebagai fakulti diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada November 2020. Pengurusan Tertinggi UMK telah meluluskan operasi FBI sebagai fakulti pada 10 Januari 2021.

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Manusia (FBI) adalah salah satu entiti akademik terawal yang ditubuhkan semasa penubuhan UMK. FBI bertanggungjawab untuk melengkapkan pelajar dari segi kemahiran berbahasa dan kemahiran insaniah selaras dengan visi dan misi universiti yang menekankan pembangunan modal insan berkualiti tinggi. FBI bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang menumpukan pada penguasaan bahasa dan pembangunan modal insan setiap pelajar UMK.

FBI kini terdiri daripada tiga (3) jabatan selepas penstrukturkan semula jabatan pada bulan Julai 2021 seperti yang berikut:

- i.Jabatan Pengajian Umum
- ii.Jabatan Pengajian Bahasa
- iii.Jabatan Pembangunan Insan

Pejabat pentadbiran pertama FBI bertempat di UMK Kampus Kota sejak tahun 2007 sehingga perpindahan ke Kampus Bachok pada tahun 2012. Bermula 2012, pejabat pentadbiran dan bilik staf akademik PBI ditempatkan di Tingkat 1, Bangunan Akademik dan Pentadbiran (BAP). Bulan Julai 2017 menjadi tanda permulaan baharu kelangsungan pembangunan FBI setelah pejabat pentadbiran FBI dan bilik-bilik staf akademik FBI berpindah ke bangunan baharu yang tersendiri.

VISI

Menjadi peneraju dalam bidang bahasa dan sains kemanusiaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan holistik untuk kesejahteraan global.

MISI

Melaksanakan program Akademik, Penyelidikan, Perkhidmatan berkualiti dan relevan dalam bidang pengajian bahasa dan sains kemanusiaan demi kemakmuran sejagat.

TERAS

Ukhuwwah, Kreatif & Inovatif, Integriti, Mesra & Cakna dan Profesional.

AHLI PENGURUSAN & KETUA PROGRAM AKADEMIK

FAKULTI PENGAJIAN BAHASA

DAN PEMBANGUNAN INSAN

YBrs. Prof. Madya Dr. Kamarulzaman bin Abd Ghani

kamarulzaman@umk.edu.my

Dekan

YBrs. Dr. Wan Ab Aziz bin Wan Daud

abaziz.wd@umk.edu.my

Timbalan Dekan [Akademik]

YBrs. Dr. Asma Lailee binti Mohd Noor

lailee@umk.edu.my

Timbalan Dekan [Penyelidikan, Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar]

YBrs. Dr. Mohd Kamil bin Ahmad

mohdkamil@umk.edu.my

Ketua Jabatan Pengajian Umum

YBrs. Dr. Azman bin Bidin

azman.bidin@umk.edu.my

Ketua Jabatan Pembangunan Insan

YBrs. Dr. Ahmad bin Abdul Rahman

ahmad.ar@umk.edu.my

Ketua Jabatan Pengajian Bahasa & Penyelaras Program AWE

YBrs. Dr. Wan Yusoff bin Wan Shaharuddin

yusoff.ws@umk.edu.my

Ketua Program BCE

YBrs. Dr. Zaleha binti Embong

zaleha.e@umk.edu.my

Ketua Program PKOM

YBrs. Dr. Hasnah binti Ab.Kadir

hasnah.ak@umk.edu.my

Ketua Program MBC

YBrs. Dr. Nor Hazwani Munirah binti Lateh

hazwani.l@umk.edu.my

Penyelaras Pascasiswazah

MOU & MOA FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

Jalinan kerjasama dengan universiti antarabangsa memberi nilai tambah kepada universiti dan juga memantapkan program akademik di FBI. Ia mengupayakan program pertukaran staf akademik, program mobiliti pelajar, penyeliaan, penyelidikan dan persidangan bersama.



KALBIS
Institute

Kalbis Institute,
Indonesia



Princess Naradhiwas
University (PNU),
Thailand



Prince of Songkla
University (PSU),
Thailand



San Beda University
(SBU), Philippines



Universitas Islam Riau
(UIR), Indonesia



Universitas Mercu Buana
Yogyakarta (UBMY),
Indonesia



Universitas Muslim
Indonesia Makassar
(UMI), Indonesia



Universitas
Muhammadiyah Riau
(UMRI), Indonesia



Universitas Hasyim Asy'ari,
Indonesia



Universitas Bengkulu,
Indonesia



Universitas Islam
Bandung, Indonesia



Universitas Islam Malang
(UNISMA), Indonesia



Universitas Sains
Al Qur'an (UNSIQ)
Wonosobo, Indonesia



Universitas Nahdlatul
Ulama Surabaya (UNUSA),
Indonesia



Yala Rajabhat University
(YRU), Thailand



Universitas Gadjah
Mada (UGM), Indonesia



Institut Terjemahan & Buku Malaysia
(ITBM)



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
(UTHM)

SARJANA MUDA KOMUNIKASI PERNIAGAAN DENGAN BAHASA INGGERIS (KEPUJIAN)

Bachelor of Business Communication with English (Honours)

BCE

Sarjana Muda Komunikasi Perniagaan dengan Bahasa Inggeris (Kepujian) direka untuk memberi kebolehan kepada pelajar dalam mengaplikasikan kemahiran komunikasi perniagaan dan kemahiran pertuturan, terutamanya dalam bahasa Inggeris. Pelajar akan diberi pendedahan tentang cara-cara berkomunikasi dalam bahasa Inggeris yang berkesan dan mempamerkan kualiti kepimpinan yang tinggi dalam lanskap komunikasi perniagaan yang sentiasa berubah pada era teknologi digital.

Memenuhi syarat am Universiti Malaysia Kelantan; **dan**

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu; **dan** Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik

Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti; **atau**

Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am; **atau**

Lulus peperiksaan Matrikulasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; **atau**

Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya

Pangkat Jayyid serta kredit dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya; **dan**

Mendapat sekurang-kurang Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk kemasukan.

*Syarat Am Kemasukan adalah mengikut ketetapan semasa universiti.






KENAPA **BCE**?

Program hibrid pertama dan seumpamanya yang merangkumi disiplin komunikasi, perniagaan dan bahasa Inggeris.

PROSPEK KERJAYA

- Perancang Media
- Usahawan Digital
- Pereka Kandungan
- Wartawan Perniagaan
- Pegawai Tadbir Diplomatik
- Pegawai Pengurusan Acara
- Pegawai Perhubungan Awam
- Pegawai Korporat & Strategik
- Usahawan Komunikasi Perniagaan
- Eksekutif Perniagaan & Pemasaran



KOD UPU:
UL6321001

*"Nurturing Global
Business Communicators"*



017-215 6861
Dr. Wan Yusoff

013-648 4429
Cik Hafifah

Melahirkan Ahli Komunikasi Perniagaan Global

SARJANA MUDA BAHASA ARAB DENGAN KEUSAHAWANAN (KEPUJIAN)

*Bachelor of Arabic Language
with Entrepreneurship (Honours)*



Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Keusahawanan (Kepujian) ialah program sarjana muda 3+1 iaitu 3 tahun di universiti dan 1 tahun di industri. Program sarjana muda ini menyediakan satu wadah terbaik kepada pelajar untuk mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang bahasa, di samping melengkapkan mereka dengan kemahiran komunikasi berfokus kepada bidang perniagaan dan keusahawanan selaras dengan kehendak pasaran semasa. Kursus-kursus yang ditawarkan akan memastikan pelajar mampu memperoleh asas ilmu bidang bahasa Arab yang mapan seterusnya dapat diaplikasikan secara komunikasi dalam pelbagai bidang keusahawanan yang bertujuan melahirkan modal insan yang berketerampilan dan bercirikan keusahawanan ke arah pembangunan kendiri dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Memenuhi syarat am Universiti Malaysia Kelantan; **dan**

Lulus STPM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00, dan Gred B (NGMP 3.00) dalam mata pelajaran Bahasa Arab, dan Gred C (NGMP 2.00) dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran; **atau**

Lulus STAM dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid, dan pangkat Jayyid dalam mata pelajaran Nahu dan Sarf; **atau**

Lulus Matrikulasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00, dan kredit dalam mata-mata pelajaran Bahasa Arab; **atau**

Memiliki kelulusan Diploma dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00, dan kredit dalam mata-mata pelajaran Bahasa Arab; **atau**

Kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti; **dan**

Mendapat sekurang-kurang Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET), atau setaraf.

*Syarat Am Kemasukan adalah mengikut ketetapan semasa universiti.

*Melahirkan Modal Insan
Berketerampilan dalam
Bahasa Arab*





PROSPEK KERJAYA

KENAPA AWE?



Penyiaran: Wartawan, Editor, Penyalin

Penerbitan: Penyunting, Penterjemah, Editor Produksi, Penerbit

Pendidikan: Pendidik/Guru

Pelancongan: Agensi Pelancongan, Pegawai Pelancongan, Fasilitator

Lain-lain: Pegawai Diplomatik, Pegawai Agama

Program pertama Bahasa Arab secara mod industri iaitu pelajar didedahkan dengan industri secara langsung pada tahun akhir pengajian.



KOD UPU:
UL6224001



**HUBUNGI
KAMI**

011-4011 4079
Dr. Ahmad Abdul Rahman

014-746 4674
Dr. Wan Ab Aziz Wan Daud

SARJANA MUDA PENGURUSAN KOMUNITI DENGAN KEUSAHAWANAN SOSIAL (KEPUJIAN)

*Bachelor of Community Management with Social
Entrepreneurship (Honours)*

PKOM

Program Pengurusan Komuniti dengan Keusahawanan Sosial ini direka untuk menyediakan pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan graduan menjadi pengurus komuniti yang memenuhi kelayakan profesional, berkepimpinan dinamik, inovatif dengan integriti dan nilai etika yang mulia. Kurikulum program ini dibangunkan dengan penglibatan pihak industri secara langsung bagi melahirkan pengurus komuniti yang berkualiti. Oleh itu, ianya memenuhi piawaian program dan kehendak pasaran industri terkini.

Memenuhi syarat am Universiti Malaysia Kelantan; **dan**

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) **dan**

Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh

Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti; **atau**

Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; **atau**

Lulus peperiksaan Matrikulasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; **atau**

Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid; **dan**

Mendapat sekurang-kurang Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk kemasukan.

*Syarat Am Kemasukan adalah mengikut ketetapan semasa universiti.





KENAPA **PKOM**

PROSPEK KERJAYA

- Pendidik
- Usahawan
- Pegawai Klinikal
- Eksekutif Latihan
- Pegawai Advokasi
- Pengurus Program
- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Keusahawanan
- Penolong Pengurus Projek
- Eksekutif Sumber Manusia
- Pegawai Pengurusan Acara
- Pegawai Hak Asasi Manusia
- Pegawai Korporat dan Strategik
- Pegawai Perhubungan Industri
- Pegawai Tadbir dan Diplomatik
- Pegawai Pembangunan Masyarakat
- Pengurus Latihan dan Pembangunan
- Pengurus Pembangunan Modal Insan
- dan Inovasi

Program hibrid dan fleksibel *baharu*
2024. Hanya 3 tahun pengajian
(8 semester) secara sepuh masa
dan 3 bulan latihan industri.



THE GLOBAL GOALS

KOD UPU:
UL6310001



**HUBUNGI
KAMI**

+6011-1491 5178
Dr. Zaleha Embong

SARJANA (MOD KERJA KURSUS) KOMUNIKASI PERNIAGAAN

Master in Business Communication (By Coursework) **MBC**

Sarjana Komunikasi Perniagaan di UMK dibuat berdasarkan jangkaan permintaan masa hadapan dengan menggabungkan strategi perniagaan dan taktik komunikasi. Program ini dirancang secara eksklusif untuk menghasilkan pakar komunikasi yang berkemahiran bijak serta responsif dalam menghadapi cabaran yang kreatif dan dinamik dalam dunia korporat. Setelah tamat kursus, graduan dapat meneruskan kerjaya sebagai pakar media, jurubahasa, pakar strategi, eksekutif pemasaran kanan, pengurus penjualan dan promosi, perunding perhubungan awam, pengurus pembangunan perniagaan atau sebagai pendidik yang kompeten dengan pandangan yang lebih luas.

Memenuhi syarat am Universiti Malaysia Kelantan; **dan**

Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang baik, iaitu mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50; **atau**

Bagi kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK kurang daripada 2.50, calon perlu mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang relevan dan bergantung kepada penilaian dalaman yang rapi; **atau**

Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui petaulahan pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu (APEL).

*Syarat Am Kemasukan adalah mengikut ketetapan semasa universiti.



MALAYSIAN	ASEAN	NON-ASEAN	FULL-TIME 3 SEMESTERS
RM 2,920 REGISTRATION & TUITION FEE (SEMESTER 1 ONLY)	RM 3,870 REGISTRATION & TUITION FEE (SEMESTER 1 ONLY)	RM 4,620 REGISTRATION & TUITION FEE (SEMESTER 1 ONLY)	
RM 5,050 TUITION FEE (SEMESTER 2 & 3)	RM 6,800 TUITION FEE (SEMESTER 2 & 3)	RM 8,150 TUITION FEE (SEMESTER 2 & 3)	
MALAYSIAN	ASEAN	NON-ASEAN	PART-TIME 5 SEMESTERS
RM 2,020 REGISTRATION & TUITION FEE (SEMESTER 1 ONLY)	RM 2,670 REGISTRATION & TUITION FEE (SEMESTER 1 ONLY)	RM 3,120 REGISTRATION & TUITION FEE (SEMESTER 1 ONLY)	
RM 6,950 TUITION FEE (SEMESTER 2, 3, 4 & 5)	RM 9,400 TUITION FEE (SEMESTER 2, 3, 4 & 5)	RM 11,050 TUITION FEE (SEMESTER 2, 3, 4 & 5)	
PROGRAMME DURATION			
3 SEMESTERS FULL-TIME			
4-8 SEMESTERS PART-TIME			



PROSPEK KERJAYA

KENAPA **MBC**

MQA/PA 9184



Melahirkan pakar komunikasi yang bijak dan responsif terhadap cabaran korporat yang dinamik dan memperkasakan kemahiran komunikasi perniagaan dengan penyampaian kurikulum yang lebih fleksibel.



- Pengurus Komunikasi Korporat
- Pengurus Perhubungan Awam
- Pakar Komunikasi Digital
- Pakar Strategi Media
- Eksekutif Pemasaran Kanan
- Pensyarah/Penyelidik
- Pengurus Perhubungan Perniagaan



HUBUNGI KAMI

012-314 9325
Dr. Hasnah Ab. Kadir
019-991 0850
En. Ariezal Afzan Hassan



Business

COMMUNICATION



SARJANA SASTERA DAN DOKTOR FALSAFAH

(MOD PENYELIDIKAN) 

Master of Arts and Doctor of Philosophy
(Research Mode)

SEJARAH DAN PERADABAN

HISTORY AND CIVILISATION

Bidang Sejarah dan Tamadun menggalakkan

pelajar untuk meneroka kedua-dua

bidang

secara saintifik. Penyelidikan dalam Sejarah merangkumi bidang seperti politik, agama, ekonomi dan teknologi, manakala penyelidikan dalam Tamadun melibatkan semua bidang yang berkaitan dengan tamadun dan kemanusiaan. Penyelidikan dalam kedua-dua bidang memberi pendedahan kepada budaya ilmu saintifik dalam meningkatkan kefahaman, memperkuuh jati diri dan toleransi, yang selaras dengan wawasan negara.

PEMBANGUNAN DAN PENDIDIKAN NILAI

DEVELOPMENT AND EDUCATIONAL VALUES

Bidang Pengajian Pembangunan

dan Pendidikan Nilai menggabungkan

dua tema utama dalam bidang sains kemanusiaan; pembangunan dan pendidikan sepanjang hayat yang merangkumi semua sistem dan nilai sosial seperti politik, ekonomi, agama dan sosiobudaya. Gabungan kedua-dua tema utama ini disepadukan dengan konsep aksiologi yang bertujuan untuk menghasilkan insan dan masyarakat yang progresif dan berbudaya tinggi. Metodologi penyelidikan bersepadu digunakan untuk menghasilkan korpus pengetahuan baharu yang memenuhi rujukan tempatan, dan relevan dengan perkembangan global.

FALSAFAH DAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN

PHILOSOPHY AND SOCIAL DEVELOPMENT

Bidang Pengajian Falsafah

dan Pembangunan

Kemasyarakatan merupakan program pengajian yang menumpukan kepada kesepadan elemen falsafah dan realiti kontemporari disiplin ilmu untuk memahami serta menyumbang kepada proses membangunkan masyarakat. Program ini merangkumi bidang psikologi, antropologi, sosiologi, sains politik, pembangunan komuniti dan kerja sosial yang selari dengan pelbagai aliran falsafah ke arah membangunkan masyarakat secara berimpak lestari sebagaimana diperlukan oleh masyarakat semasa dan masa hadapan.



AGAMA DAN KONTEMPORARI

Bidang Pengajian Agama dan

RELIGION AND CONTEMPORARY Isu-Isu Kontemporari merupakan pengajian yang memfokuskan ilmu agama (*science of religion*) dan pemikiran terhadap isu-isu yang berkaitan dengan peranan agama dalam konteks kontemporari berasaskan kepada latar belakang dan perkembangan, kepercayaan, ketuhanan, tokoh dan aliran, kitab suci, ritual, konsep pembalasan dan hari-hari kebesaran. Subtema dalam pengajian agama ini meliputi aspek falsafah, sosiologi, antropologi, fenomenologi, psikologi dan peradaban. Antara isu berkaitan adalah ekstremisme, dialog dan perbandingan agama, pluralisme agama, liberalisme, sekularisme, penyelewengan dan manipulasi agama, agama baharu, atheisme dan lain-lain.

PENGAJIAN DAN PENDIDIKAN BAHASA

LANGUAGE AND EDUCATION STUDIES Bidang Pengajian Bahasa menyediakan ruang untuk me-

potensi kesarjanaan dalam pelbagai bidang pengajian bahasa termasuk kajian bahasa, linguistik, sosiolinguistik, psikolinguistik, linguistik terapan, dan pendidikan bahasa yang meliputi kurikulum dan pedagogi, psikologi pendidikan, penilaian dan pengukuran, dan teknologi pengajaran. Program ini juga menawarkan pelbagai kaedah disiplin dan penyelidikan dalam konteks isu kontemporari dan relevan yang berkaitan dengan bahasa ibunda, bahasa Inggeris atau bahasa ketiga.

KOMUNIKASI

COMMUNICATION Bidang Pengajian Komunikasi adalah platform bagi calon-calon program untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang komunikasi. Impak Revolusi Perindustrian, terutamanya perkembangan pesat teknologi, telah mengubah pola komunikasi di seluruh dunia. Program ini melibatkan pelbagai sub-disiplin seperti perhubungan awam, komunikasi korporat, pengiklanan, keusahawanan, komunikasi kesihatan dan pelbagai bidang berkaitan. Melalui program ini, calon akan dapat meningkatkan pengetahuan mereka melalui pendekatan teori dan praktikal dalam mencari kaedah terbaik untuk pembangunan manusia sejagat.

PENGAJIAN ISLAM

ISLAMIC STUDIES Bidang Pengajian Islam memberi fokus kepada bidang Pengajian Islam serta subbidang yang terkandung di bawahnya seperti al-Quran dan al-Sunnah, syariat dan muamalat, fiqh dan usul, pemikiran, tasawuf, dakwah, perbandingan agama dan seumpamanya. Penyelidikan pengajian ini merangkumi keseluruhan bentuk kajian sama ada berbentuk kualitatif dan kuantitatif dan gabung jalin antara kedua-dua kaedah penyelidikan tersebut. Memahami agama menerusi kajian teks serta kaedah-kaedah lain berteraskan kaedah pengajian Islam yang tepat akan melahirkan pemikir yang melihat pandang jagat kehidupan menerusi konsep Islam yang syumul.

SARJANA SASTERA DAN DOKTOR FALSAFAH

(MOD PENYELIDIKAN)

Master of Arts and Doctor of Philosophy
(Research Mode)

Tempoh masa minimum untuk
menyiapkan pengajian

Tempoh masa minimum untuk
menyiapkan pengajian

Sarjana Sastera

2 TAHUN

Doktor Falsafah

3 TAHUN

Sarjana Sastera

Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dengan PNGK sekurang-kurangnya 2.75 dari Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta atau luar negara yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya dan yang diterima oleh Senat Universiti.

Walau bagaimanapun, pemohon yang mempunyai kelayakan yang lain boleh juga diberi pertimbangan sekiranya beliau mempunyai pengalaman dalam penyelidikan yang sesuai serta dapat menunjukkan kebolehan mengikuti Pengajian Siswazah.

Doktor Falsafah

Mempunyai Ijazah Sarjana dari Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta atau luar negara yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya, dan yang diterima oleh Senat Universiti. Senat Universiti boleh membenarkan calon yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama (PNGK 3.70 dan ke atas) untuk mendaftar terus ke Doktor Falsafah setelah melalui proses penilaian yang ditetapkan oleh Universiti.

Kelayakan Bahasa Inggeris

TOEFL iBT skor minimum 35; atau

IELTS minimum Band 4.5; atau

MUET minimum Band 2

KADAR YURAN

SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN)

	PELAJAR TEMPATAN						PELAJAR ANTARABANGSA		
	SEPENUH MASA (RM)			SEPARUH MASA (RM)			SEPENUH MASA (RM)		
	PILIHAN 1	PILIHAN 2	PILIHAN 3	PILIHAN 1	PILIHAN 2	PILIHAN 3	PILIHAN 1	PILIHAN 2	PILIHAN 3
SEMESTER 1	3,270	1,770	1,270	2,970	1,470	970	6,570	5,070	4,570
SEMESTER 2	2,000	2,500	2,000	1,700	2,200	1,700	3,500	4,000	3,500
SEMESTER 3	2,000	2,500	3,000	1,700	2,200	2,700	2,600	3,100	3,600
SEMESTER 4	2,000	2,500	3,000	1,700	2,200	2,700	2,600	3,100	3,600
SEMESTER 5 DAN SETERUSNYA	1,100	1,100	1,100	800	800	800	2,600	2,600	2,600
TESIS	750	750	750	750	750	750	750	750	750

*Sepenuh Masa (min: 2 semester / max: 6 semester) | Separuh Masa (min: 4 semester / max: 10 semester)

DOKTOR FALSAFAH

(MOD PENYELIDIKAN)

	PELAJAR TEMPATAN						PELAJAR ANTARABANGSA		
	SEPENUH MASA (RM)			SEPARUH MASA (RM)			SEPENUH MASA (RM)		
	PILIHAN 1	PILIHAN 2	PILIHAN 3	PILIHAN 1	PILIHAN 2	PILIHAN 3	PILIHAN 1	PILIHAN 2	PILIHAN 3
SEMESTER 1	3,470	1,970	1,470	3,070	1,570	1,070	6,870	5,370	4,870
SEMESTER 2	2,200	2,700	2,200	1,800	2,300	1,800	3,800	4,300	3,800
SEMESTER 3	2,200	2,700	2,700	1,800	2,300	2,300	2,900	3,400	3,400
SEMESTER 4	2,200	2,700	2,700	1,800	2,300	2,300	2,900	3,400	3,400
SEMESTER 5 DAN 6	1,300	1,300	1,800	900	900	1,400	2,900	2,900	3,400
SEMESTER 7 DAN SETERUSNYA	1,300	1,300	1,300	900	900	900	2,900	2,900	2,900
TESIS	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000

*Sepenuh Masa (min: 4 semester / max: 10 semester) | Separuh Masa (min: 6 semester / max: 16 semester)

**KENAPA
PASCASISWAZAH
SARJANA & PhD**

MOD PENYELIDIKAN

Memberi anda peluang mendalamai ilmu pengetahuan dalam bidang yang diminati dengan cara yang unik dan tersendiri.

012-796 4023

Dr. Siti Amirah Ahmad Tarmizi

017-906 5387

Pn. Liyana binti Ahmad Afip

**HUBUNGI
KAMI**



PELAJAR & ALUMNI FAKULTI BAHASA PEMBANGUNAN INSAN

Saya mempunyai pengalaman setama 20 tahun sebagai wartawan. Bidang kewartawanan adalah salah satu cabang ilmu komunikasi. Selepas syarikat tempat saya bekerja ditutup, baru saya sedar pengalaman sahaja tidak cukup menjadi seorang pengamal komunikasi sepenuhnya dalam bidang korporat. Justeru, saya mengikuti beberapa kursus yang ditawarkan seperti pengucapan awam, pengurusan krisis dan penjemanaan. Banyak juga wang dihabiskan. Akhirnya seorang sahabat memperkenalkan saya kursus Sarjana Komunikasi Perniagaan yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Saya mendapati subjek

Azran Fitriyang ditawarkan adalah sempurna. Semua perkara yang saya perlukan ada.

Kurikulumnya

Alumni MBCamat tersusun. Tidak perlu lagi membuka laman sesawang mencari kursus yang diperlukan. Alhamdulillah, saya telah menamatkan pengajian pada Mac 2022. Saya merasa amat yakin untuk memasuki industri dengan ilmu dan pengalaman yang dimiliki. Terima kasih UMK!

Pengalaman saya sendiri dalam Program Sarjana Muda bahasa Arab MBC ini saya dapat ilmu baru dalam Keusahawanan di UMK pembelajaran yang saya pelajari. merupakan program yang sangat unik. Saya boleh tahu cara berkomunikasi dan berbeza. Kami bukan sahaja belajar dengan lebih berkesan, yakin bila bidang bahasa Arab semata-mata berurusan dalam khalayak ramai tetapi turut didedahkan kepada industri dan boleh belajar secara sistematis berikan keusahawanan dalam bidang dalam komunikasi online.bahasa Arab secara langsung.

BCE ialah kursus yang bagus untuk Saya mempunyai ramai kawan pelajar yang ingin melanjutkan di BCE. Saya mempelajari pengajian ke bidang komunikasi perkara dan subjek baru perniagaan. Program BCE menjadikan dalam kursus BCE ini. Saya juga saya seorang *communicator* yang berpeluang untuk meningkatkan lebih baik dan juga mempunyai penguasaan bahasa Inggeris minda keusahawanan. Pensyarah-dengan lebih baik dalam kursus pensyarah BCE sangat memahami dan mereka akan sentiasa memerlukan **Rachel Sebastiam**, **Syafiq Riezmanini**.

Pelajar BCE Pelajar BCE
keperluan setiap pelajar.mesra dan baik hati.

UMK merupakan satu platform terbaik dalam melanjutkan pascasiswazah PhD. Sepanjang perjalanan untuk menyiapkan PhD, penyelia saya Prof Madya Dr Nur Azuki banyak memberikan input dan nasihat yang berguna. Malahan persekitaran UMK memberi saya ilham dan motivasi dalam mengharungi sepanjang perjalanan tersebut.

Dr. Iskandar Hassan UMK Terbaik! Pengalaman ini amat berguna dalam dunia sebenar.



selepas tamat PhD.


Alumni PhD (Mod Penyelidikan) Itulah pengalaman bermakna sebagai bekas seorang pelajar pascasiswazah UMK.

Selama dua tahun menjadi pelajar komunikasi perniagaan dalam bahasa Inggeris telah banyak mengajar saya bukan sahaja dalam hal akademik tetapi juga kemahiran insaniah dan pembangunan diri. Semasa saya mula-mula memasuki program ijazah ini, saya datang dengan harapan yang sangat tinggi agar saya dapat menjadi seorang yang lebih baik dengan keyakinan dan sahsiah yang lebih baik sebagai seorang manusia. Sepanjang 4 semester ini, saya rasa saya telah mencapai semua itu. Saya telah dapat mengatasi ketakutan dan saya boleh bercakap di hadapan orang ramai tanpa teragak-agak. Dari segi perniagaan, saya terpaksa akui bahawa saya tidak berminat untuk bermiaga pada mulanya, namun kursus ini telah membentuk dan mengembangkan minat saya dalam bermiaga. Pelajar BCE



FASILITI & LOKASI FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

16



SCAN
UNTUK KE
LOKASI



SCAN ME



@fbi_umk



+609 779 7445

<https://fbi.umk.edu.my>



facebook.com/fbiumk

*Penafian. Maklumat terkandung dalam booklet ini tertakluk kepada perubahan semasa yang akan dikemaskini di laman sesawang rasmi UMK/FBI.

**HUBUNGI
FBI**



فَاكِلِيٰتُ قَسْعَاجِزِيزْهَا سَرَّا اَقْمَّا شَوْنَزِنْسِنْ
**FAKULTI PENGAJIAN BAHASA
DAN PEMBANGUNAN INSAN**
FACULTY OF LANGUAGE STUDIES AND HUMAN DEVELOPMENT

16300 Bachok, Kelantan



THE IMPACT
RANKINGS 2021

SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS



OfficialUMK
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust

Kita
BinaLegasiUMK
Bersama
#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream

